

Program ETA

# Penguasaan murid meningkat

Pelaksanaan turut bantu pererat hubungan Malaysia, Amerika Syarikat

Oleh Nik Sukry Ramli  
niksukry@bh.com.my

**Kuantan:** Sejak diperkenalkan kira-kira 13 tahun lalu, Program Pembantu Pengajar Bahasa Inggeris (ETA) berjaya meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa itu dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah di negara ini.

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah bertitah, selain membantu murid menguasai bahasa Inggeris, program itu juga membantu mempereratkan hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

"Pendekatan bidang pendidikan ketika ini sudah berubah, seiring perkembangan teknologi

dan peredaran semasa. Ia (pendidikan) bukan lagi sekadar bermula ketika anak kita berusia tujuh tahun dan berakhir selepas mereka menamatkan persekolahan peringkat menengah.

"Pelajar hari ini bukan lagi terikat dengan apa yang mereka belajar dalam kelas, tetapi mereka dilatih supaya memiliki daya pemikiran kritis, bijak menganalisis maklumat diperoleh dan pandai mengaplikasikan ilmu yang mereka pelajari dalam kehidupan seharian.

"Walaupun negara kita kecil dibandingkan negara lain di dunia, tidak bermakna kita patut rasa terpinggir atau terasing, kita perlu mengambil peluang disediakan dan menguasai bahasa Inggeris bagi memudahkan kita meneroka hubungan dengan negara luar," titahnya.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Perasmian Fullbright Program ETA Peringkat Pahang di sini, semalam.

Yang turut mengiringi Baginda, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan



**Al-Sultan Abdullah bersama Tunku Azizah melawat tapak pameran sempena Majlis Perasmian Fullbright Program ETA Peringkat Pahang di Kuantan, semalam.**  
[Foto Muhammad Asyraf Sawal/BH]

Ismail, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching dan Duta Besar AS ke Malaysia, Kamala Shirin Lakhdar.

Tunku Azizah turut menegaskan bahawa penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah dan generasi muda tidak

akan menjejaskan jati diri sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai nilai kebudayaan tinggi.

Titah baginda, sebaliknya penguasaan bahasa Inggeris memberi nilai tambah dan meningkatkan keyakinan untuk berdepan dengan murid dari negara

luar, seterusnya dapat meningkatkan imej serta nama negara pada persada antarabangsa.

"Kejayaan program ini sudah pasti tidak dapat dilakukan tanpa jasa dan pengorbanan guru yang terbabit secara langsung atau tidak langsung," titahnya.